

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**

**SENARAI MATA PELAJARAN DITAWARKAN – BULAN NOVEMBER**

| MATA PELAJARAN WAJIB         |                               |                                |                           |
|------------------------------|-------------------------------|--------------------------------|---------------------------|
| 1103 Bahasa Melayu**         | 1223 Pendidikan Islam*        | 1249 Sejarah**                 | 1511 Science**            |
| 1119 Bahasa Inggeris         | 1225 Pendidikan Moral**       | 1449 Mathematics*              |                           |
| MATA PELAJARAN ELEKTIF       |                               |                                |                           |
| 2205 Literature in English * | 3757 Ekonomi Asas*            | 5227 P. Al-Quran & Al-Sunnah** | 9216 Kesusasteraan Cina*  |
| 2215 Kesusasteraan Melayu*   | 4531 Physics**                | 5228 P. Syariah Islamiah*      | 9217 Kesusasteraan Tamil* |
| 2280 Geografi*               | 4541 Chemistry**              | 6351 Bahasa Cina**             | 9221 Bible Knowledge*     |
| 2361 Bahasa Arab**           | 4551 Biology**                | 6354 Bahasa Tamil**            | 9303 Bahasa Perancis*     |
| 3472 Additional Mathematics* | 4561 Additional Science**     | 6355 EST*                      | 9378 Bahasa Punjabi*      |
| 3755 Perdagangan*            | 4571 Pengetahuan Sains Sukan* | 6356 Bahasa Iban*              |                           |
| 3756 Prinsip Perakaunan**    | 5226 Tasawwur Islam*          | 6357 Bahasa Kadazandusun*      |                           |

**PENDAFTARAN MATA PELAJARAN**

1. Tarikh pendaftaran peperiksaan SPM bermula **1 Mac hingga 31 Mac**.
2. Calon hanya dibenarkan mendaftar maksimum **12 mata pelajaran** termasuk **mata pelajaran teras** dan **elektif**.
3. Calon **hendaklah** memastikan mata pelajaran yang didaftar **tidak bertindih** waktu peperiksaannya. Sila rujuk Jadual Waktu SPM yang dipaparkan di portal rasmi Lembaga Peperiksaan.
4. Mata pelajaran **1223** hendaklah digugurkan sekiranya calon mendaftar dua mata pelajaran berikut; **5227 dan 5228**.
5. Mata pelajaran **1511** hendaklah digugurkan sekiranya calon mendaftar dua daripada mata pelajaran berikut; **4531, 4541, 4551**.
6. Calon yang pertama kali atau melebihi tempoh tiga (3) tahun SPM / SPMU terakhir wajib melaksanakan Ujian Lisan Khusus Calon Persendirian (**ULKCP**) bagi mata pelajaran **1103, 1119, 6351 dan 6354** serta Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (**PLBS**) bagi **2361 dan 5227**.
7. Calon diminta menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri jika **belum menerima Jadual Waktu dan Kenyataan Kemasukan Peperiksaan SPM** dalam tempoh sebulan sebelum tarikh peperiksaan dan surat pemberitahuan ULKCP / PLBS.
8. Calon yang membuat **pembetulan maklumat mata pelajaran** antara 15 April hingga 15 Mei tahun peperiksaan akan dikenakan bayaran RM30.00 bagi setiap mata pelajaran. Calon tidak dibenarkan membuat sebarang pembetulan maklumat mata pelajaran selepas 15 Mei tahun peperiksaan.
9. Calon yang membuat **pembetulan maklumat calon** selepas 15 April tahun peperiksaan akan dikenakan bayaran RM 30.00 bagi setiap permohonan pembetulan.
10. Semua bayaran hendaklah dibuat atas nama **Pengarah Peperiksaan** dengan menggunakan **Kiriman Wang / Wang Pos**.

**PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEPERIKSAAN**

Calon hendaklah membaca semua arahan dengan teliti sebelum mengisi Borang Pendaftaran Peperiksaan. Borang hendaklah diisi dengan tulisan tangan calon sendiri menggunakan pena mata bola sahaja.

1. **Tahun** - Tulis tahun calon menduduki peperiksaan SPM semasa.
2. **Nama Calon** - Tulis nama calon dengan **HURUF BESAR** seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi satu abjad.
3. **Nombor Kad Pengenalan** - Tulis nombor kad pengenalan calon. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka kad pengenalan. Tulis dari petak pertama sebelah kiri. Tuliskan L dalam petak pertama jika calon tiada kad pengenalan untuk nombor janaan.
4. **Tarikh Lahir** - Tulis tarikh lahir calon seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka tarikh lahir.
5. **Jantina** - Pilih dan tulis kod berikut:- 1 – Lelaki 2 – Perempuan. 6. **Keturunan** - Tulis keturunan calon. 7. **Agama** - Tulis agama calon.
8. **Jenis Kemasukan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 8 – Calon baharu 9 – Calon mengulang.
9. **Kod Peperiksaan Terakhir** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-

| Calon Baharu   | Calon Mengulang   |
|--|---|
| 5 –Telah mencapai umur 16 tahun pada 1 Januari tahun semasa peperiksaan SPM. | 1– <b>Mempunyai sijil</b> mana-mana peperiksaan SPM / SPM(V) / SPVM / MCE / SC / FMC.   |
|  | 2–Pernah menduduki SPM / SPM(V) / SPVM / MCE / SC / FMC atau <b>mempunyai sijil SAP/GCE/Pernyataan Keputusan SPM dan gagal Bahasa Melayu.</b>               |
|  | 3–Pernah menduduki SPM / SPM(V) / SPVM / MCE / SC / FMC atau <b>mempunyai sijil SAP / GCE/Pernyataan Keputusan SPM dan gagal Sejarah.</b>                   |
|  | 4–Pernah menduduki SPM / SPM(V) / SPVM / MCE / SC / FMC atau <b>mempunyai sijil SAP / GCE/Pernyataan Keputusan SPM dan gagal Bahasa Melayu dan Sejarah.</b> |

10. **Jenis Kecacatan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-  
**A** – Masalah Pembelajaran      **B** – Kurang Upaya Penglihatan (Buta)      **C** – Kurang Upaya Pelbagai      **D** – Kurang Upaya Pertuturan  
**F** – Kurang Upaya Fizikal      **P** – Kurang Upaya Pendengaran      **R** - Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)
11. **Tahun Peperiksaan SPM/SPMU Terakhir.**      12. **Angka Giliran SPM/SPMU Terakhir.**  
- Tulis tahun dan angka giliran yang calon gunakan dalam peperiksaan SPM/SPMU terakhir (dokumen disertakan).
13. **Warganegara** – Tuliskan negara asal calon bagi calon bukan warganegara Malaysia.
14. **Alamat.**      15. **Poskod.**      16. **Bandar.**      17. **Negeri.**  
- Tulis alamat surat menyurat calon dengan lengkap iaitu nombor rumah, jalan, taman/kampung, poskod, bandar dan negeri.
18. **Nombor Telefon (Wajib diisi oleh calon persendirian dan mengulang)** – Tulis nombor telefon calon yang boleh dihubungi.
19. **Alamat Emel (Wajib diisi oleh calon persendirian dan mengulang)** – Tuliskan alamat emel calon yang boleh dihubungi.
20. **Pendaftaran Mata Pelajaran (Rujuk senarai mata pelajaran di atas dan dibaca bersama-sama dengan draf Jadual Waktu Peperiksaan SPM tahun peperiksaan)**  
- Isikan kod kertas dan nama kertas mata pelajaran wajib dan mata pelajaran elektif dalam ruangan yang disediakan.
21. **Keterangan Bayaran** - Tulis maklumat bayaran bagi mata pelajaran yang calon daftar. Tulis juga maklumat tentang Kiriman Wang atas nama **Pengarah Peperiksaan** untuk bayaran tersebut. Bayaran Asas RM20.00, 1119 Bahasa Inggeris - RM 20.50, mata pelajaran tanpa PBS\* - RM10.50 dan mata pelajaran dengan PBS\*\* - RM12.00. Tuliskan jumlah bayaran.
22. **Pilihan Pusat Peperiksaan** – Tulis nama sekolah (disenaraikan oleh pihak JPN sahaja) yang dipilih untuk menduduki peperiksaan.
23. **Pengakuan Calon** - Calon hendaklah membaca pernyataan pengakuan calon. Calon dinasihat menyemak butiran maklumat diri, maklumat mata pelajaran dan bayaran (untuk sekolah swasta dan persendirian). Setelah itu turunkan tanda tangan calon dan tarikh.